



UiTM@Media **2016**

Siswa Cemerlang



UITM@Media
2016

TAMPIL KONSEP BOLLYWOOD

Wujudkan kelainan dan cabaran kepada siswa dalam pementasan teater



Muzikal dan penuh magis. Itulah persembahan seni lakon yang dipertontonkan dengan penuh kreativiti daripada pelajar Fakulti Filem, Teater dan Animasi (FITA) UiTM Puncak Perdana, baru-baru ini.

Diberi nama *Mere Behen Ki Shaadi* (Perkahwinan Saudara Perempuan), pementasan teater ini terarah sepenuhnya kepada konsep Bollywood dan disuntik genre komedi, sekali gus menghangatkan suasana Dewan Sri Budiman.

Ia diperhebatkan lagi dengan idea menarik daripada pelajar sendiri dan kru produksi teater yang mengetengahkan persembahan muzikal.

Berdurasi selama 1 jam 15 minit, ia berkisar tragedi

perkahwinan dua pasang kekasih, Rahul dan Samita yang terhalang akibat cinta Rahul terhadap Samya, adik kepada Samita.

BERI PENDEDAHAN

Pengarah Projek, Nurul Hazlinda Rosli berkata, program ini sangat menitikberatkan pengetahuan siswa mengenai produksi teater dari pelbagai aspek.

"Mereka (siswa) didekahkan mengenai dunia sebenar pengurusan industri kreatif dari awal proses pementasan hinggalah akhir. Aspek penting seperti mutu lakonan, koreografi dan pengurusan teater semuanya diberi perhatian menyeluruh. "Malah, tema dipilih iaitu

BERSAMBUNG
DI SEBELAH



Bollywood membawa gaya persembahan lebih rancak dan penuh emosi jadi pembawaan watak dan kualiti lakonan itu sangat berbeza berbanding pementasan biasa. Ini mewujudkan cabaran baru kepada pelakon terutamanya,” katanya.

MENJIWAI WATAK

Dalam menjayakan pementasan teater itu sendiri, banyak perkara perlu dititikberatkan untuk membawa watak utama dengan berkesan. Nor Suhana Wahid, 26, terbukti membawa watak Samya dengan jayanya.

“Selama lapan tahun dalam pementasan teater, saya akui bukan mudah untuk membawa watak yang berlainan

budaya dan bahasa dari kita (Melayu). Saya peruntukkan hampir dua bulan untuk mewujudkan emosi takut, ceria, duka dan sebagainya menerusi perwatakan Samya.

“Alhamdulillah, ia adalah pengalaman baru dan berharga bagi saya kerana pementasan kali ini banyak melibatkan tarian, nyanyian dan komunikasi dalam bahasa Hindi.

“Paling sukar ialah mempelajari bahasa Hindi sungguhpun ia hanya sebahagian daripada keseluruhan skrip. Saya banyak menonton filem Hindustan untuk mencontohi ‘slang’ mereka supaya lakonan saya mampu menghidupkan karakter Samya dengan berkesan,” katanya.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminaljah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

